

Headline	Projek FRIM Digital		
MediaTitle	Utusan Malaysia		
Date	21 May 2012	Color	Full Color
Section	Supplement	Circulation	197,952
Page No	4	Readership	833,287
Language	Malay	ArticleSize	251 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 5,006
Frequency	Daily	PR Value	RM 15,019



# Projek FRIM Digital

Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) juga telah memulakan Projek FRIM Digital untuk mendokumentasikan semua pokok dan pelbagai tarikan di institusi berkenaan secara digital.

Ia bagi tujuan pengurusan dan pemuliharaan sumber kekayaannya dengan lebih cekap serta untuk meningkatkan lagi perkongsian maklumat dengan orang ramai.

Untuk tujuan itu, FRIM baru-baru ini telah menandatangani perjanjian persefahaman (MoU) dengan Cube Global Sdn. Bhd. bagi pelaksanaan FRIM Digital.

Pada majlis tersebut FRIM diwakili Ketua Pengarahnya, Datuk Dr. Abd. Latif Mohmod manakala Cube Global diwakili Ketua Pegawai Eksekutifnya, (CEO), Azman Ali M. Habib Rahman.

Turut hadir Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDEC), Datuk Badlisham Ghazali dan Pengarah Bahagian Hutan Asli dan Alam Sekitar FRIM, Dr. Shamsudin Ibrahim.

Usaha sama tersebut membolehkan

pembangunan serta pelaksanaan satu sistem inovatif untuk mendokumenkan ciri-ciri hutan.

Ini termasuk jenis spesies pokok, saiz, ciri-ciri pembungaan dan pembuahan serta maklumat berkenaan kegunaan masing-masing dalam format digital yang mudah diakses serta digunakan.

Kampus utama FRIM di Kepong akan menjadi tapak projek perintis bagi FRIM Digital. Apabila sistem dokumentasi digital itu siap dibangunkan dan diperhalusi, ia boleh digunakan untuk mendokumenkan tapak-tapak lain.

Dokumentasi digital berkenaan memuatkan semua ciri-ciri menarik di FRIM dan bukan hanya merupakan rekod geospasial yang kekal untuk

rujukan generasi masa akan datang semata-mata.

Ia juga akan membantu untuk mewujudkan Virtual FRIM yang boleh dihubungkan secara global dan berinteraksi dengan masa nyata.

Projek berkenaan sejajar dengan visi Pelan Induk Digital Malaysia untuk

mempercepatkan pertumbuhan ekonomi negara melalui inovasi, dengan memanfaatkan kekuatan negara dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Antara lain, maklumat dan data hutan yang dikumpul menggunakan

sistem ini adalah penting bagi pemuliharaan dan pengurusan secara lestari sumber kekayaan hutan, pemantauan dan pencegahan pembalakan haram serta untuk menggalakkan perdagangan stok karbon.



**DR. Abdul Latif Mohmod (dua dari kiri) bertukar-tukar dokumen dengan Azman Ali M. Habib Rahman di Kuala Lumpur baru-baru ini. Turut hadir Dr. Shamsudin Ibrahim (kiri) dan Badlisham Ghazali .**